

Rakyat perlu bekerja keras majukan negara,

BH 22 AUG 1981

ALOR SETAR, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan, negara memerlukan rakyat yang berdisiplin dan sukakan amalan ketertiban bagi mencapai ke jayaan lebih besar dalam berbagai bidang.

"Dengan adanya disiplin, kita akan dapat melihat hasil usaha kita dan menjaga negara agar terus maju dan makmur," kata beliau ketika berucap kepada lebih 20,000 orang yang mengalu-alukan lautan beliau dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah, di Stadium Darul Aman di sini, pagi ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap sikap berdisiplin akan menjadi amalan rakyat di negara ini suguhpun ada setengah-setengah orang mendakwa sikap tersebut akan menjadikan mereka sebuah masyarakat robot.

Beliau menyeru setiap rakyat mengambil bahagian dengan sempurna supaya mereka dapat memberi sumbangan besar kepada kejayaan negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang dipimpinnya menekankan perlunya rakyat bekerja keras memajukan negara tanpa sebarang perasaan marah

Oleh NAZAR ABDUL

dalam melaksanakan tugas masing-masing.

"Kalangan swasta juga perlu menjalankan tugas mereka dengan penuh minat supaya negara akan menjadi lebih produktif," ujarnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sebuah negara yang produktif dan cekap akan mendatangkan kemajuan dan kemakmuran yang lebih.

Mengenai dasar-dasar kerajaan, beliau berkata, kerajaan pimpinannya akan melaksanakan dasar-dasar yang sama seperti yang ditentukan oleh kerajaan-kerajaan terdahulu darinya.


"Walaupun kita mempunyai Perdana Menteri baru, dasar-dasar negara tidak berubah kerana dasar-dasar itu telah ditentukan dengan bijak oleh pengasasnya. Perdana Menteri Malaysia yang pertama," tambahnya.

Bagalmanapun, tambahnya lagi, mungkin cara pelaksanaan dasar-dasar itu berlainan sedikit kerana setiap Perdana Menteri mempunyai cara atau stail masing-masing.

"Tetapi apa yang penting ialah pegangan kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh kerajaan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dasar kerajaan ialah percaya kepada sistem demokrasi berparti dan ini berbeza dengan sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara-negara lain seperti sistem demokrasi satu parti, demokrasi terpimpin dan demokrasi ala komunis.

Menurutnya, sistem demokrasi berparti dalam negara ini memberi peluang kepada rakyat memilih sesiapa sahaja untuk menjadi wakil rakyat dan seterusnya membentuk kerajaan.



INILAH "Logo Hari Kebangsaan"

Katanya lagi, sejak merdeka rakyat di negara ini telah mengizinkan sebuah komponen parti sahaja memerintah dan ini telah menjamin kestabilan politik di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia, dasar kerjasama dan perpaduan telah membuktikan kejayaan yang cemerlang.

"Sungguhpun terdapat perbezaan pendapat di antara berbagai kaum di negara ini, kita telah dapat hidup bersatupadu dan aman damai," ujarnya.

Menurutnya, dasar perpaduan itu perlu dikekalkan bagi membolehkan negara terus bersatupadu dan maju.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa kerajaan sekarang akan berusaha mewujudkan sebuah masyarakat makmur dan adil dengan kekayaan negara dibahagikan dengan saksama kepada rakyat.